

Bahagian B
[30 markah]

- 1 Dalam petikan di bawah, terdapat kesalahan-kesalahan ejaan. Kenal pasti dua kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

Aktiviti kokurikulum dapat memupuk perpaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum. Semasa aktiviti dijalankan, mereka dapat berintraksi dan mengenali antara satu sama lain. Kokurikulum juga dapat memenuhi masa lapang murid dengan aktiviti yang berfaedah. Hal ini dapat menghindari mereka daripada gejala negatif. Murid dapat menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman yang tidak terdapat dalam buku.

(i) _____

(ii) _____

Konteks: Kesalahan Ejaan Konstruk: Pengetahuan Sistem Bahasa – Kosakata Aras: R [2 markah]

- 2 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Raja yang zalim itu sangat marah apabila mendapat tahu ada rakyat yang mengingkari perintahnya.

(ii) Tuan Puteri Ratna Sari sedang mandi dengan ditemani oleh dayang-dayangnya.

Konteks: Kesalahan Bahasa Konstruk: Pengetahuan Sistem Bahasa – Tatabahasa Aras: R [2 markah]

- 3 Bina ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul. Penggunaan kata tanya hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang bercetak tebal.

(i) Menu istimewa yang dihidangkan di Restoran Selera Bonda ialah **nasi tomato**.

(ii) **Sebanyak 30 peratus** murid SMK Taman Ria berkenderaan sendiri untuk pergi ke sekolah.

Konteks: Sintaksis – Struktur Ayat Konstruk: Pengetahuan Sistem Bahasa – Tatabahasa Aras: S [2 markah]